

Parlimen: Pengambilan Pekerja Asing Masih Terkawal - Maznah Bernama
31 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Pengambilan pekerja asing di negara ini masih terkawal dengan Jabatan Tenaga Kerja sentiasa memantau dan membuat pemeriksaan untuk menentukan kesahihan keperluan tenaga kerja asing ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Maznah Mazlan berkata sehingga 30 Sept lepas, kementerian meluluskan permohonan 6,876 majikan dari 10,353 majikan yang melibatkan pengambilan 203,625 orang pekerja asing.

"Kementerian mempunyai proses dan prosedur yang ditetapkan yang mana kita bertanggungjawab untuk memastikan kekosongan yang ada dibuka kepada pekerja tempatan dahulu, sebagai contoh majikan perlu membuat iklan dalam jangka masa tertentu.

"Hanya sekiranya Jabatan Tenaga Kerja berpuashati bahawa proses ini dilaksanakan dan tiada penawaran permohonan dari pekerja tempatan, baru kita timbang untuk membuka permohonan dan penawaran kepada pekerja asing," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) yang meminta kementerian menjelaskan adakah pengangguran di kalangan pekerja tempatan disebabkan kehadiran pekerja asing.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=705867>